

Telefon : 088-257111
Faks : 088-212655
E-mail : bn.jbn@sabah.gov.my



JABATAN BENDAHARI NEGERI
Wisma Kewangan
Beg Berkunci No. 2058
88595 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia

RUJ: JBN No. (A)/100-43/4405/(211)

11 Disember 2003

Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil

PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BILANGAN 10 TAHUN 2003

JADUAL LATIHAN, LARIAN SELARI SISTEM DAN PERALIHAN KE SISTEM e-PAY-A3 UNTUK PEMROSESAN SARAAAN/POTONGAN BULANAN

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk mengumumkan jadual latihan, larian selari sistem dan peralihan ke Sistem e-PAY-A3 untuk pengguna di semua Kementerian/Jabatan/Pejabat Daerah/Jabatan Mengakaun Sendiri (JMS).
- 1.2 Menguatkuasakan penggunaan Sistem e-PAY-A3 bagi saraan yang dibayar melalui Sistem Gaji Pusat (SGP).
- 1.3 Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Bilangan 5 Tahun 2003 bertarikh 30 September 2003.
- 1.4 Pekeliling ini boleh didapati dilaman e-pekeliling Sabahnet di <http://www.sabah.gov.my/ecircular/>.

2. JADUAL LATIHAN, LARIAN SELARI SISTEM DAN PERALIHAN KE SISTEM e-PAY-A3

- 2.1 Jadual Latihan, Larian Selari Sistem dan Peralihan ke Sistem e-PAY-A3 bagi pengguna di Kementerian/Jabatan/Pejabat Daerah/JMS adalah seperti di LAMPIRAN 'A' dan LAMPIRAN 'A 1' disertakan bersama pekelling ini.

- 2.2 Kumpulan Sokongan IT (KSIT) di Kementerian/Jabatan/Pejabat Daerah/JMS yang telah dilatih oleh Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri akan mengendalikan latihan kepada pengguna Sistem e-PAY-A3 di Kementerian/Jabatan/Pejabat Daerah/JMS masing-masing mengikut jadual tersebut diperenggan 2.1 di atas.
- 2.3 Bagi Kementerian/Jabatan/Pejabat Daerah/JMS yang tidak ada KSIT latihan akan dikendalikan terus oleh pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri mengikut jadual tersebut.

3. UJIAN SELARI (PARALLEL RUN) SISTEM e-PAY-A3

Semua Kementerian/Jabatan/Pejabat Daerah/JMS yang telah diberi latihan hendaklah melaksanakan Sistem e-PAY-A3 secara larian selari bersama dengan sistem manual untuk tempoh dua (2) bulan dibulan berikutnya. Dalam tempoh larian selari Borang Manual PAY-A3 dan dokumen penyokong perlu dikemukakan selain Borang *online* e-PAY-A3 kepada Seksyen Gaji dan Pencen, Jabatan Bendahari Negeri (JBN)/Jabatan Mengakaun Sendiri masing-masing.

4. PERALIHAN KE SISTEM e-PAY- A3 SEPENUHNYA

- 4.1 Jabatan ini telah membuat ketetapan untuk beralih ke penggunaan Sistem e-PAY-A3 sepenuhnya dalam pemprosesan data saraan atau potongan bulanan anggota perkhidmatan awam yang dibayar saraan melalui SGP pada bulan Julai 2004.
- 4.2 Kementerian/Jabatan/Pejabat Daerah/JMS yang telah menjalani ujian selari tersebut di perenggan 3 di atas dengan jayanya hendaklah beralih kepada Sistem e-PAY-A3. Borang Manual PAY-A3 (Pin.96) tidak lagi perlu dihantar tetapi perlu menghantar Laporan Ringkasan Borang e-PAY-A3 bersama dokumen penyokong bayaran disamping menghantar Borang e-PAY-A3 secara *online* ke Seksyen Gaji dan Pencen, JBN atau Seksyen Penyemakan, JMS mana yang berkenaan.

5. TARIKH BERKUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

6. PENUTUP

Sekiranya ada kemusykilan dalam pelaksanaan pekelling ini, sila berhubung terus kepada Seksyen Gaji dan Pencen, Jabatan ini melalui nombor telefon 088-255628, 088-257111 atau email: Alice.Chan@sabah.gov.my untuk mendapatkan maklumat atau penjelasan lanjut.

Sekian dan harap maklum.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH,CEKAP DAN AMANAH”



(DATUK PHILIP N.K.CHIU)
Bendahari Negeri

- s.k Pengarah
Jabatan Kerja Raya
Jalan Sembulan
Peti Surat 128
88592 KOTA KINABALU
(u.p: Akauntan Kanan – Encik Denis Mijin)
- s.k. Pengarah
Jabatan Pertanian
Menara Khidmat
Beg Berkunci 2050
88632 KOTA KINABALU
(u.p: Akauntan Kanan – Cik Phak Shiu Len)
- s.k. Pengarah
Jabatan Perhutanan
Beg Berkunci 2044
88576 KOTA KINABALU
(u.p: Akauntan Kanan – Encik Rusdin Riman)
- s.k. Pengarah Tanah Dan Ukur
Jabatan Tanah Dan Ukur
Beg Berkunci 2044
88576 KOTA KINABALU
(u.p: Akauntan – Encik John Angel)

s.k. Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Komputer
Tingkat 1, Blok A
Wisma Kewangan
88999 KOTA KINABALU

(u.p: Pegawai Sistem Maklumat – Puan Celestine Fung/Cik Cecilia Chang/
Cik Sunariya Abdullah)

ASA/MGAR/nb...

LAMPIRAN 'A'

SENARAI AGIHAN KUMPULAN UNTUK LATIHAN SISTEM E- PAY- A3 BAGI KEMENTERIAN/JABATAN/PEJABAT DAERAH/JABATAN MENGAKAUN SENDIRI

| Bil | Kumpulan 1 | Kumpulan 2 | Kumpulan 3 | Kumpulan 4 | Kumpulan 5 Jabatan Mengakaun Sendiri |
|-----|---|---|---|--|---|
| 01 | Jabatan Cetak Kerajaan | Jabatan Konservasi Alam Sekitar | Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sabah | Jabatan Air Negeri Sabah | Jabatan Kerja Raya |
| 02 | Jabatan Hidupan Liar | Jabatan Muzium Sabah | Jabatan Perikanan | Jabatan Arkib Negeri Sabah | Jabatan Tanah & Ukur |
| 03 | Jabatan Pembangunan Sumber Manusia | Jabatan Peguam Besar Negeri | Jabatan Keretapi Negeri Sabah | Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah | Jabatan Perhutanan |
| 04 | Jabatan Perancang Bandar Dan wilayah | Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga Sabah | Pejabat Daerah Keningau | Jabatan Ketua Menteri | Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan |
| 05 | Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am | Kementerian Pembangunan Perindustrian | Pejabat Daerah Kecil Putatan | Pejabat Daerah Tenom/Kemabong | Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak |
| 06 | Unit Perancang Ekonomi Negeri | Jabatan Pengairan Dan Saliran | Pejabat Daerah Kota Belud | Pejabat Daerah Ranau | Jabatan Pertanian |
| 07 | Jabatan Pembangunan Perindustrian Dan Penyelidikan | Kementerian Pembangunan Masyarakat Dan Hal Ehwal Pengguna | Pejabat Daerah Papar | Pejabat Daerah Semporna | |
| 08 | Kementerian Pelancongan Pembangunan Alam Sekitar Dan Kebudayaan | Pejabat Daerah Penampang | Pejabat Daerah Kunak | Pejabat Daerah Sipitang | |
| 09 | Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri | Kementerian Pembangunan Infrastruktur | Pejabat Daerah Kudat/Banggi/ Matunggong | Pejabat Daerah Beaufort/Membakut | |
| 10 | Kementerian Belia dan Sukan Sabah | Pejabat Dewan Undangan Negeri | Pejabat Daerah Kuala Penyu/Menumbok | Pejabat Daerah Beluran/Telupid | |
| 11 | Kementerian Kerajaan Tempatan & Perumahan | Pejabat Yang Dipertua Negeri Sabah/Istana Negeri | Pejabat Kota Marudu | Pejabat Daerah Nabawan | |
| 12 | | | Pejabat Daerah Lahad Datu | Pejabat Daerah Pitas | |
| 13 | | | Pejabat Daerah Tuaran/Tamparuli | Pejabat Daerah Tongod | |
| 14 | | | Pejabat Daerah Tambunan | | |
| 15 | | | Pejabat Daerah Kinabatangan | | |

LAMPIRAN 'A 1'

**JADUAL LATIHAN, LARIAN SELARI SISTEM DAN PERALIHAN KE SISTEM E-PAY-A3 UNTUK
KEMENTERIAN/JABATAN/PEJABAT DAERAH/JABATAN MENGAKAUN SENDIRI MENGIKUT SENARAI AGIHAN KUMPULAN DI
LAMPIRAN ' A '**

| KUMPULAN PELAKSANAAN | KUMPULAN 1 | KUMPULAN 2 | KUMPULAN 3 | KUMPULAN 4 | KUMPULAN 5 (JABATAN MENGAKAUN SENDIRI) |
|--|------------------------|---------------------|------------------|---------------------|--|
| (A) LATIHAN * | DISEMBER 2003 | JANUARI 2004 | FEBRUARI 2004 | MAC 2004 | APRIL 2004 |
| (B) LARIAN SELARI (Dua Bulan) | JANUARI -FEBRUARI 2004 | FEBRUARI - MAC 2004 | MAC - APRIL 2004 | APRIL - MEI 2004 | MEI - JUN 2004 |
| (C) PERALIHAN KE e-PAY- A3 SEPENUHNYA | MAC 2004 | APRIL 2004 | MEI 2004 | JUN - 2004 | JULAI 2004 |

* Tempoh Latihan Adalah Satu Hari Sahaja